



JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA

No. 20 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62551 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8880 8288
Laman Web: www.jpn.gov.my
Emel: pro@jpn.gov.my



Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (89)
Tarikh : 10 Januari 2016

**Ketua Pengarang,
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "HIDUP SUKAR
TANPA WARGANEGARA" BERTARIKH 3 JANUARI 2017, RABU – M.S: 36
(SENTRAL)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Yana binti Darto berkaitan permohonan taraf kewarganegaraan beliau.
3. Pihak Jabatan mendapati Puan Yana binti Darto merupakan pemilik pasport Indonesia. Permohonan Daftar Lewat Kad Pengenalan beliau diurus pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, keputusan telah pun dikeluarkan jawapan tidak berjaya disebabkan beliau kini merupakan warganegara Indonesia berdasarkan pasport yang dimilikinya.
4. Justeru itu anak – anak beliau adalah berstatus bukan warganegara Malaysia kerana mengikut status kewarganegaraan beliau.
5. Sehubungan dengan itu, pihak JPN menasihatkan Puan Yana binti Darto supaya mengemukakan sebarang dokumen yang boleh melayakkan tuntutan beliau untuk urusan mendapatkan kad pengenalan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBr. Tuan KPPN
 2. YBhg. Dato' TKPPN (O)
 3. YBr. Tuan TKPPN (P)

RAKYAT DI HATI JPN

